

25/01/2002

MT minta hantar memo kepada Amerika

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini meminta Kementerian Luar menghantar memo bantahan kepada kerajaan Amerika Syarikat berhubung layanan buruk negara itu terhadap askar Taliban dan al-Qaeda yang ditahan di kem tahanan di Cuba.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata mesyuarat MT hari ini mengambil perhatian layanan Amerika terhadap 158 tawanan Taliban di Kem X-Ray yang turut dikecam kumpulan hak asasi Barat.

"Majlis Tertinggi menyuarakan rasa protes terhadap tindakan Amerika Syarikat terhadap askar Taliban yang ditawan dan dipenjara di Cuba kerana MT menganggap ia tidak berperikemanusiaan.

"Oleh itu, MT minta Kementerian Luar hantar memo kepada kerajaan Amerika Syarikat," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, selepas mempengerusikan mesyuarat lebih dua jam MT di sini hari ini.

Agensi berita asing baru-baru ini melaporkan bahawa kerajaan Amerika membawa 158 tawanan dari sebuah pangkalan Amerika di Kandahar, Afghanistan ke Pangkalan Tentera Laut Teluk Guantanamo di Cuba.

Mereka dibawa dengan tangan dirantai dan bergari, mata ditutup dan muka bertopeng.

(END)